



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KP/KPPM/6 Jilid. 2 (5)
05 Disember 2014

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 2 TAHUN 2014:
ETIKA PAKAIAN MURID TINGKATAN ENAM***

TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan etika pakaian murid Tingkatan Enam semasa menghadiri kelas dan melaksanakan aktiviti di luar bilik darjah.

LATAR BELAKANG

2. Dalam usaha melaksanakan penjenamaan semula Tingkatan Enam, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan Etika Pakaian Murid Tingkatan Enam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia Ke-203 pada 21 November 2013 dan Taklimat Khas Status Pelaksanaan Penjenamaan Semula Tingkatan Enam kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada 27 Februari 2014.

PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI KELAS

3. Pakaian murid Tingkatan Enam semasa menghadiri kelas adalah seperti yang digariskan seperti berikut:

3.1 Pakaian murid lelaki

Pakaian murid lelaki ialah baju kemeja berseluar panjang lengkap dengan kasut dan berstokin (rujuk lampiran 1 dan 2).

Baju

- 3.1.1 Baju murid lelaki ialah kemeja lengan panjang atau pendek berwarna bebas tanpa corak. Hanya kemeja polos, berjalur atau berpetak. Sekiranya memakai kemeja berlengan panjang, lengan kemeja hendaklah dikancing atau dibutang sepenuhnya. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*) (rujuk lampiran 1 dan 2). Batik Malaysia dibenarkan. Sebarang pakaian yang menggunakan material jenis denim tidak dibenarkan.

Seluar

- 3.1.2 Seluar bagi murid lelaki ialah seluar panjang. Panjang seluar hendaklah sekurang-kurangnya separas buku lali (rujuk lampiran 1 dan 2). Bentuk seluar ialah potongan slek yang tidak ketat dan tidak berlipat. Jean, *cargo pants*, atau seluar pendek tidak dibenarkan. Hanya seluar panjang polos dibenarkan. Warna seluar yang dibenarkan adalah bebas kecuali warna 'garang' (*striking*). Jika memakai tali pinggang, gancu (kepala tali pinggang) hendaklah tidak melebihi 5 cm (rujuk lampiran 3). Gancu yang bermotif ganas, lucah, tahyul dan berimej negatif tidak dibenarkan.

Kasut

- 3.1.3 Kasut bagi murid lelaki ialah kasut yang bertutup dan lengkap berstokin (rujuk lampiran 1 dan 2). Capal hanya boleh dipakai dengan pakaian kebangsaan. Selipar, cerpu, sandal atau yang sejenis dengannya tidak dibenarkan.

Songkok

- 3.1.4 Murid lelaki dibenarkan memakai songkok hitam yang standard tidak melebihi 10 cm (rujuk lampiran 4).

Jura/Serban dan kara

- 3.1.5 Bagi murid lelaki berketurunan Sikh dibenarkan memakai jura/serban mengikut kepercayaan dan agama mereka semasa di sekolah.
- 3.1.6 Pemakaian kara (*steel bangle*) oleh murid lelaki yang berketurunan Sikh dibenarkan berdasarkan pegangan agama mereka.

3.2 Pakaian alternatif murid lelaki

Di samping jenis pakaian yang dinyatakan di atas, murid lelaki juga dibenarkan memakai:

a) Pakaian kebangsaan.

Pakaian baju Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok hitam yang standard. Hanya pakaian baju Melayu polos dibenarkan.

b) Pakaian tradisional

Pakaian tradisional budaya kaum masing-masing yang lengkap juga dibenarkan dipakai oleh murid lelaki kaum berkenaan.

3.3 Pakaian murid perempuan

Pakaian murid perempuan ialah baju kurung (rujuk lampiran 5), gaun (rujuk lampiran 6), gaun labuh/jenis jubah/maksi (rujuk lampiran 7), *two piece/three piece suit pants* (rujuk lampiran 8 dan 9) lengkap dengan kasut atau pakaian tradisional kaum masing-masing yang bersesuaian dan lengkap. Sebarang pakaian yang menggunakan material jenis denim atau likra tidak dibenarkan.

Blaus dan kemeja

3.3.1 Murid perempuan dibenarkan memakai blaus berlengan (rujuk lampiran 10) atau kemeja berlengan (rujuk lampiran 11) daripada jenis kain dan warna yang bersesuaian serta tidak jarang dan tidak ketat.

Skirt dan seluar

3.3.2 Skirt atau seluar juga dibenarkan dipakai oleh murid perempuan. Labuh skirt hendaklah sekurang-kurangnya di bawah paras lutut (rujuk lampiran 12). Murid perempuan juga dibenarkan memakai seluar panjang yang tidak ketat (rujuk lampiran 13). Jean, *cargo pants*, seluar pendek, atau *leggings* tidak dibenarkan.

Tudung/Telekung mini/Selendang

3.3.3 Murid perempuan dibenarkan memakai tudung/telekung mini/selendang. Apa-apa pakaian yang menutup muka tidak dibenarkan.

Kasut

3.3.4 Murid perempuan hendaklah memakai kasut yang bertutup. Selipar, cerpu, terompah, sandal atau yang sejenis dengannya tidak dibenarkan.

3.4 Larangan pemakaian kemeja-T

Murid dilarang memakai kemeja-T semasa menghadiri kelas.

PAKAIAN KETIKA AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH

4. Murid lelaki dan perempuan digalakkan memakai seluar panjang atau *track bottom* yang sesuai dan kemeja-T berlengan panjang atau pendek mengikut kesesuaian aktiviti yang dijalankan. Kemeja-T yang bermotif ganas, lucah, tahyul, politik dan berimej negatif tidak dibenarkan.

PAKAIAN PASUKAN BERUNIFORM

5. Murid lelaki dan perempuan yang menyertai kegiatan pasukan beruniform di sekolah hendaklah memakai pakaian seragam pasukan yang lengkap.

LARANGAN PAKAIAN YANG MENCOLOK MATA

6. Murid hendaklah berpakaian kemas, sopan dan tidak mencolok mata. Pakaian yang jarang dan ketat juga tidak dibenarkan.

PENYERAGAMAN PAKAIAN

7. Mana-mana institusi pendidikan yang menguruskan Tingkatan Enam tidak dibenarkan mengenakan sebarang paksaan atau tekanan untuk tujuan penyeragaman pakaian murid.

TARIKH KUAT KUASA


8. Surat Pekeliling Ikhtisas ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh surat ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"




(DATO' SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia


s.k.;

1. YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YAB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
10. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia




CONTOH PAKAIAN MURID LELAKI BERKEMEJA LENGAN PANJANG



CONTOH PAKAIAN MURID LELAKI BERKEMEJA LENGAN PENDEK




CONTOH GANCU TALI PINGGANG YANG DIBENARKAN



Ukuran gancu tali pinggang yang dibenarkan

UKURAN SONGKOK

Tidak melebihi
10cm



CONTOH BAJU KURUNG




CONTOH GAUN




Labuh gaun sekurang-kurangnya di bawah paras lutut

CONTOH GAUN LABUH / JENIS JUBAH / MAKSI


Contoh Gaun Labuh




Contoh Jenis Jubah




Contoh Maksu



CONTOH TWO-PIECE PANT SUIT



CONTOH THREE-PIECE PANT SUIT




CONTOH BLAUS LENGAN PENDEK / LENGAN PANJANG

Contoh Blaus Lengan Pendek




Contoh Blaus Lengan Panjang




CONTOH KEMEJA PEREMPUAN LENGAN PENDEK / LENGAN PANJANG


Contoh
Kemeja Perempuan Lengan Pendek



Contoh
Kemeja Perempuan Lengan Panjang



CONTOH SKIRT



CONTOH SELUAR PANJANG PEREMPUAN

